

D581

R B371 AAB MES DHC

(PERHATIAN EDITOR RENCANA: INI MERUPAKAN PERTAMA DARIPADA BEBERAPA RENCANA YANG AKAN DIKELUARKAN OLEH PERKHIDMATAN RENCANA BERNAMA DALAM DUA MINGGU AKAN DATANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN, 31 OGOS)

EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA ATAU SELEPAS RABU, 15 OGOS

FOKUS HARI KEBANGSAAN:

MAHATHIR -- PENYAMBUNG TRADISI KEJAYAAN

OLEH: TAI SING ONN

(I)

KUALA LUMPUR: MALAYSIA, YANG AKAN MERAYAKAN ULANG TAHUN KE-33 KEMERDEKAANNYA PADA 31 OGOS, PERAYAAANNYA YANG PERTAMA DALAM DEKAD TERAKHIR ABAD INI, MENDAPAT PENUH BERKAT DALAM PEMILIHAN PERDANA MENTERI.

APABILA NEGARA INI MENCAPAI KEMERDEKAAN PADA 31 OGOS 1957, PERDANA MENTERI PERTAMANYA IALAH TUNKU ABDUL RAHMAN, YANG SEBELUM ITU MENJADI KETUA MENTERI.

MEMANG LAYAK DAN PADANLAH ORANG YANG MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE PERBINCANGAN MENGENAI KEMERDEKAAN DI WHITEHALL MENJADI PERDANA MENTERI PERTAMA BAGI SEBUAH NEGARA YANG MERDEKA.

SEBAGAI PUTERA RAJA DAN PERDANA MENTERI, BELIAU MEMBAWA BERSAMA-SAMANYA KETINGGIAN BUDI DAN KETAJAMAN PEMIKIRANNYA BAGI MEMENUHI TUNTUTAN JAWATAN ITU. - LAGI.

1227MST 13 08 90

D583

R B373 AAB MES DHC

MAHATHIR 2 (RENCANA) (EMBARGO)

TETAPI SEBENARNYA, BELIAU MEMBAWA LEBIH DARIPADA ITU. SIKAP MUHIBAH, BERTOLAK ANSUR DAN BERTIMBANGGRASANYA TURUT MEMBANTU MEWUJUDKAN PERPADUAN DI KALANGAN RAKYAT YANG PELBAGAI RAGAM, SETELAH SELAMA INI DIBIARKAN HIDUP BERPECAH-BELAH OLEH PENJAJAH YANG KELIHATAN BERMULUT MANIS TETAPI SEBENARNYA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI.

TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN YANG MENGAMBIL ALIH JAWATAN PERDANA MENTERI SELEPAS ITU ADALAH ORANG YANG SECARA DIAM-DIAM TETAPI PENUH DRAMATIK MERUBAH WAJAH KEMISKINAN DI KAWASAN LUAR BANDAR.

BERBEKALKAN +BUKU MERAH+ MENGENAI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, BELIAU MENJELAJAH KE SEGENAP PELOSOK NEGARA DENGAN MEMBINA JALAN RAYA MASUK HINGGA KE KAWASAN PALING TERPENCIL, MENGASASKAN RANGKAIAN BEKALAN ELEKTRIK RAKSASA, MENDIRIKAN SEKOLAH, JAMBATAN DAN BALAI RAYA DI KAWASAN-KAWASAN YANG TIDAK MENERIMA BEKALAN ITU BERPULUH-PULUH TAHUN.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR -- TUGAS SEPANJANG HAYAT ANAK WATAN INI -- TAMAT SEBELUM SIAP SEPENUHNYA EKORAN KEMATIAN BELIAU SECARA TIBA-TIBA.

BELIAU DIGANTI OLEH TUN HUSSEIN ONN, MANUSIA BERHATI BESAR TETAPI BERSIFAT MULIA, YANG TERKENAL KERANA SIFAT TIDAK BANYAK CAKAPNYA DAN SIFAT INI MENYEMBUNYIKAN KEKUATAN DALAMAN BELIAU. NEGARA TERUS MAJU DI BAWAH PIMPINANNYA. - LAGI.

1231MST 13 08 90

MAHATHIR 3 (RENCANA) (EMBARGO)

BARU-BARU INI NEGARA BERKABUNG KERANA KEPERGIAN PERDANA MENTERI KETIGA INI YANG SIFAT KEPIMPINANNYA TANPA BANYAK CAKAP ITU MENAWAN HATI SEGENAP LAPISAN RAKYAT.

PERDANA MENTERI KEEMPAT SEKARANG, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MUNCUL DALAM ARENA POLITIK NEGARA PADA TAHUN 1981 DENGAN MEMBAWA PERUBAHAN YANG AMAT BESAR. BELIAU MENGAMBIL ALIH JAWATAN DARIPADA TUN HUSSEIN ONN, SETELAH BUAT BEBÈRAPA KETIKA WUJUD KELOMPANGAN POLITIK.

DATUK SERI DR MAHATHIR AKAN MENINGGALKAN GEMA SORAKAN KEJAYAAN YANG BERKEKALAN BUAT NEGARA BILA NANTI BELIAU BERUNDUR DARI ARENA POLITIK.

DALAM MASA SEDEKAD LEPAS, PEMIMPIN INI TELAH MELAKUKAN LEBIH BANYAK DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBELUMNYA UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MALAYSIA, SAMA ADA DALAM MAHUPUN DI LUAR NEGARA MERASA BANGGA DIGELAR RAKYAT MALAYSIA.

APABILA KEMERDEKAAN DICAPAI LEBIH DARIPADA TIGA DEKAD LEPAS, PENJAJAH ORANG PUTIH SEPATUTNYA MELEPASKAN BEBAN TANGGUNGJAWAB MEREKA.

TIDAK BAGITU HALNYA DI MALAYA ATAU KEMUDIANNYA DIKENALI SEBAGAI MALAYSIA, DAN DALAM HAL YANG SAMA, DI NEGARA-NEGARA YANG BARU MENCAPAI KEMERDEKAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU HUBUNGAN BARU BERBENTUK PERKONGSIAN BERSAMA PEMBANGUNAN. - LAGI.

1234MST 13 08 90

D585

R B375 AAB MES DHC
MAHATHIR 4 (RENCANA) (EMBARGO)

APA YANG TELAH BERLAKU BEGITU MENYAKITKAN DAN MENINGGALKAN PARUT YANG SANGAT BESAR PADA TANAH AIR.

DATUK SERI MAHATHIR BERTEGAS DALAM SOAL INI DAN MENEGUR NEGARA-NEGARA UTARA KERANA LAYANAN KURANG SOPAN MEREKA TERHADAP NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DAN MISKIN DI SELATAN.

DALAM APA JUA HAL, DATUK SERI DR MAHATHIR BERJAYA MERAH HARGA DIRI DAN PENGHORMATAN BUAT MALAYSIA DARI NEGARA-NEGARA LAIN DI DUNIA YANG DALAM KEADAAN IDEAL, TIDAK SEORANG PUN SEHARUSNYA MEMPUNYAI PERSAMAAN DENGAN YANG LAIN.

BELIAU MELAKUKAN BERBAGA-BAGAI CARA UNTUK MEMBERITAHU NEGARA-NEGARA UTARA BAHAWA APABILA NEGARA YANG BARU MENCAPAI KEMERDEKAAN MEMBEBAHKAN DIRI MEREKA DARIPADA KONGKONGAN PENJAJAH, MEREKA BERNIAT UNTUK MENIKMATI KEMERDEKAAN HINGGA KE TAHAP PALING TINGGI DAN TIDAK MAHU PEMBANGUNAN MEREKA DIHALANG OLEH AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK ADIL DAN HALANGAN-HALANGAN LAIN YANG MENJIJIKKAN OLEH NEGARA BEKAS PENJAJAH MEREKA.

OLEH ITU, APABILA BELIAU MELANCARKAN KEMPEN +JANGAN BELI BARANGAN BRITISH+ DI AWAL TAHUN 80-AN, BRITISH LEBIH MENGHORMATI RAKYAT MALAYSIA, NEGARA YANG PERNAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA EMPAYARNYA SEBELUM ZAMAN BERUBAH. - LAGI.

MAHATHIR 5 (RENCANA) (EMBARGO)

DARI SINI, KETOKOHANNYA KIAN TERBERLAH, SATU DEMI SATU LANGKAH RAKSASA DIBUATNYA, DENGAN PENGLIBATAN BESAR BELIAU DALAM FORUM-FORUM ANTARABANGSA, PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENGEDARAN DAN PENGGUNAAN NAJIS DADAH (ICDAIT) DI VIENNA, PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU, MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN NEGARA KOMANWEL DI KUALA LUMPUR, ADALAH ANTARA BEBERAPA FORUM ITU.

JUGA, SIDANG SELATAN YANG BARU BERAKHIR DI CARACAS. SEKALI LAGI DALAM UCAPANNYA KEPADA PERWAKILAN, BELIAU MEMBUAT SERUAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN IKHLAS BAGI KERJASAMA UTARA-SELATAN DAN SEMANGAT SALING BERGANTUNG DI KALANGAN NEGARA SELATAN.

BELIAU MENCAPAI TAHAP KEPUASAN ITU SEBAGAIMANA KATA PENYAIR KIPLING, +IA TERCIPTA APABILA DUA TOKOH BESAR (DALAM HAL INI, IA BERERTI PEMIKIRAN) BERTEMU DAN TIADA LAGI TIMUR ATAU BARAT, SEKALIPUN MEREKA BERASAL DARI HUJUNG DUNIA, DARI UTARA ATAU SELATAN+.

DALAM MENERIMA PENGHORMATAN BARU DAN SANJUNGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN DI DUNIA UNTUK DIRINYA, DATUK SERI DR MAHATHIR TURUT MERAIH KEDUA-DUA ITU UNTUK RAKYAT MALAYSIA KESELURUHANNYA.

KETOKOHANNYA YANG BARU INI TURUT MERUBAH SIKAPNYA MENJADI LEBIH MESRA LAGI.

ORANG YANG TIDAK SEHALUAN DENGANNYA BERKATA BELIAU JARANG SENYUM. - LAGI.

1238MST 13 08 90

D587

**R B377 AAB MES DHC
MAHATHIR 6 (RENCANA) (EMBARGO)**

RAKAN-RAKAN DAN MEREKA YANG RAPAT DENGANNYA BERKATA, DI SEBALIK WAJAH SERIUS ITU, BELIAU ADALAH SEORANG YANG PERAMAH DAN BERHATI MULIA.

SEKARANG, KERANA TIDAK TERLALU BANYAK TEKANAN YANG MEMAKSA BELIAU MELAKUKAN SESUATU UNTUK DIRI DAN NEGARNYA, IMEJ YANG LEBIH LEMBUT TERPANCAR DARIPADA DIRINYA.

TIADA LAGI RENGUSAN DAN DAN RAUT WAJAH SERIUS KEBELAKANGAN INI.

BELIAU MEMPUNYAI SEBAB UNTUK TERSENYUM. BELIAU TELAH MELETAKKAN NEGARA PADA KEDUDUKAN YANG SANGAT BAIK UNTUK SENTIASA TABAH MENGHADAPI CABARAN LEBIH BESAR DAN YAKIN DENGAN KEUPAYAANNYA MENANGANI APA JUA SUASANA YANG AKAN DITEMPUHI.

BELIAU BERSIAP SEDIA UNTUK TERUS MENERAJUI NEGARA SEBAGAI ORANG PERTAMA MENJADI PERDANA MENTERI SELAMA TIGA PENGGAL SELEPAS NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, DENGAN ANDAIAN PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN BILA-BILA MASA.

DAN, APABILA AKHIRNYA BELIAU MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK BERUNDUR DIRI, TIMBUL CAKAP-CAKAP SEKARANG BAHAWA BELIAU LAYAK MENDUDUKI KERUSI SETIAUSAHA AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU. - LAGI.

1240MST 13 08 90

D589

**R B378 AAB MES DHC
MAHATHIR 7 (RENCANA) (EMBARGO)**

SESUNGGUHNYA APAKAH LAGI YANG BOLEH DIMINTA OLEH SESEORANG ITU? BELIAU TELAH MEMBAWA PERUBAHAN BESAR PADA NEGARA DARIPADA SEGI PENGHORMATAN, HARGA DIRI DAN PENGENALAN BARU DI MATA DUNIA BAGI RAKAN SENEGARA MALAYSIA.

SIFATKANNYA APA SAJA YANG ANDA MAHU, TETAPI WARNAILAH DENGAN SINARAN PELANGI KERANA APA YANG TELAH KITA MILIKI KINI, TIDAK ADA OR/ yang boleh merampasnya daripada kita.

MENINGGALKAN DI BELAKANG CITA-CITA YANG TELAH TERMAKBUL, GEMA SORAK KEJAYAAN YANG BERKEKALAN. -- BERNAMA